

Ruj Kami : ST (IP/JKE) KE/19/01(7)  
Tarikh : 23 September 2015

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78

Semua Pengilang & Pengimport,

Tuan/Puan;

**Pemakluman : Pendaftaran Pengilang & Pengimport di Sistem e-DIK**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan, Suruhanjaya Tenaga telah memperakukan Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2013 yang melibatkan Pendaftaran pengilang dan pengimport seperti di bawah :

Peraturan 97C (1) Mana-mana orang yang mengilang atau mengimport apa-apa kelengkapan di bawah peraturan 97 hendaklah memohon untuk berdaftar dengan Suruhanjaya mengikut cara yang boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya.

3. Oleh yang demikian, mana-mana pengilang atau pengimport hendaklah memohon untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga dan permohonan boleh dibuat secara atas-talian melalui **edik.st.gov.my**. Permohonan pendaftaran secara atas talian ini adalah berkuatkuasa sepenuhnya mulai tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

  
(En. MOHD ELMI BIN ANAS )  
Pengarah  
Jabatan Kawalselia Keselamatan Elektrik  
Suruhanjaya Tenaga